

Malaysia anjurkan mesyuarat pakar cari maklumat kotak hitam
Astro Awani
5 April 2014

KUALA LUMPUR: Malaysia akan menganjurkan mesyuarat pakar teknologi maklumat dalam industri penerbangan bulan hadapan bagi mencari jalan membolehkan maklumat daripada kotak hitam sesebuah pesawat disalurkan terus ke pusat pangkalan data bumi.

Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) Datuk Mohamed Sharil Tarmizi berkata mesyuarat itu akan membincangkan kaedah bagi menaik taraf sistem kotak hitam tersebut.

Mesyuarat terbabit akan diketuai dan diselenggara oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) dan disokong sepenuhnya oleh SKMM.

Penganjuran seminar itu susulan tragedi pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 yang hilang sejak 8 Mac lalu.

Sehingga kini usaha mengesan kotak hitam pesawat masih diteruskan memandangkan jangka hayat bateri kotak hitam itu hanya berbaki dua hari sebelum isyaratnya padam.

Operasi mencari dan menyelamatkan membabitkan pelbagai negara dilancar di Laut China Selatan sebelum diperluas ke Selat Melaka dan Laut Andaman serta Lautan Hindi selepas analisa data satelit menunjukkan pesawat mengubah haluan jauh daripada laluan asal.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek pada minggu lalu meminta ITU membangunkan sistem tercanggih untuk memudahkan penghantaran data penerbangan dalam masa nyata susulan kehilangan pesawat MAS itu.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/malaysia-anjurkan-mesyuarat-pakar-cari-maklumat-kotak-hitam-33241?cp>